



UPM

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BERILMU BERBAKTI

KAMPUS BINTULU SARAWAK

Panduan Pembelajaran Secara **Maya** **@UPMKB**



#UNSDG
#UNSDGUPM
#SDGUPM



f upmkb

upmkb

upmkb

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE I

www.btu.upm.edu.my

Isi Kandungan

1.0	Pengenalan	1
2.0	Persediaan Pelajar Menghadapi Pembelajaran Secara Maya	2
3.0	Pembelajaran Secara Maya@UPMKB	3
3.1	Sistem Pengurusan Pembelajaran UPM	
3.2	Pembelajaran Dalam Talian di UPM	
4.0	Kaedah Penilaian Pembelajaran	4
5.0	Tip Menghadapi Pembelajaran Norma Baharu Secara Maya	5
6.0	Sokongan Kepada Pembelajaran Secara Maya	6

1.0 Pengenalan

Pembelajaran secara maya merupakan satu kaedah pembelajaran yang bukan asing bagi sesetengah universiti terutamanya bagi pelajar yang menggunakan modul Pendidikan Jarak Jauh (PJJ). Namun demikian, keadah ini telah diperluas serta diperkasakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran rentetan daripada kemasalahan sejagat iaitu pandemic bencana COVID-19 yang melanda dunia hari ini.

UPM merupakan antara universiti awam yang menggunakan pendekatan ini semenjak tempoh PKP yang di umumkan oleh kerajaan Malaysia. Pembelajaran secara maya yang berteraskan Model Pembelajaran Bersepadu (blended learning) merupakan norma baharu dan satu keperluan yang penting dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada semua pelajar tanpa mengira batasan.

UPMKB amat komited dalam memastikan setiap pelajar berpeluang mengikuti dan meneruskan pembelajaran seperti yang di rancang oleh pensyarah akademik. Pendekatan pedagogi ini merupakan satu langkah yang proaktif diambil oleh pihak UPMKB selari dengan perubahan landskap pembelajaran dan pengajaran. Inisiatif ini bertepatan dengan Lonjakan 9 pembelajaran dalam talian tahap global, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

2.0 Persediaan Pelajar Menghadapi Pembelajaran Secara Maya

1

Keperluan Akses Internet
(Kelajuan/Data GB)

2

Ruang Pembelajaran Kondusif,
Sentiasa bersedia dan aktif dalam pengajaran

3

Keperluan Gadget
(Komputer/ *Smartphone*/ *Tablet*)



3.0 Pembelajaran Secara Maya @UPMKB

3.1

Sistem Pengurusan Pembelajaran UPM

PutraBLAST


PutraBLAST (Putra Blended Learning Assistive System and Technology) merupakan sistem pengurusan pembelajaran yang rasmi bagi UPM. PutraBLAST dibangunkan dengan menggunakan platform Moodle, iaitu platform yang popular dan paling baik dilihat ketika ini dalam melaksanakan pembelajaran dalam talian. Selain mudah digunakan, PutraBLAST adalah pengurusan struktur maklumat dan penyampaian kandungan pembelajaran, penilaian pengajaran dan pembelajaran, penjejakan kemajuan dan pemantauan proses pembelajaran di UPM.

3.2

Pembelajaran Dalam Talian di UPM


3.2.1 Pembelajaran Secara Segera (Synchronous)

(Kelas maya berlaku dalam masa nyata. Pensyarah menggunakan bahan pengajaran secara interaktif dan dalam masa nyata.)



3.2.2 Pembelajaran Secara Tidak Segera (Asynchronous)

(Kelas maya tidak bergantung pada lokasi dan masa. Bahan pengajaran dikembangkan lebih awal dan interaksi pembelajaran tidak dalam masa nyata.)





4.0 Kaedah Penilaian Pembelajaran

Hampir semua kursus yang diambil pelajar mempunyai dua kaedah penilaian iaitu **penilaian berterusan** dan **penilaian akhir**. Penilaian berterusan akan berlangsung sepanjang tempoh minggu pembelajaran manakala penilaian akhir berlangsung di akhir minggu peperiksaan pengajian.

Kaedah Penilaian dalam Talian

Kuiz, pembentangan, laporan bertulis, tugas individu atau berkumpulan, rakaman gambar, audio atau video, *open book exam*, temuduga (skype, whatsapp dll), e-portfolio, poster, aplikasi web2.0 (kahoot, quizziz, quizlet, Socrative, edpuzzle dll).

Platform Penilaian dalam Talian

PutraBLAST

Aplikasi Web 2.0

Email

WhatsApp

TeleGram

Panggilan Telefon



5.0 Tip Menghadapi Pembelajaran Norma Baharu Secara Maya

Bagaimana
Mewujudkan
Minat Dalam
Pembelajaran
Secara Maya

Semudah
ABCD...



Aktif

A

Memastikan penglibatan diri secara aktif semasa kelas maya berlangsung.

Bertenaga

B

Memastikan penampilan diri yang kemas dan bersedia lebih awal sebelum kelas maya bermula.

Ceria

C

Sentiasa setkan minda kita kepada perkara yang positif contohnya "Hari ini saya akan menjadi lebih ceria dan cemerlang"

Doa

D

Menetapkan dan betulkan niat ketika menuntut ilmu seperti belajar untuk berbakti kepada IbuBapa.

Mengekalkan Fokus Dalam Pembelajaran

01

Membuat catatan bagi mengelakkan perasaan malas dan mengantuk.

Sediakan air di tempat belajar

02

03

Pastikan tiada gangguan lain ketika kelas berlangsung

Hormat pada pensyarah


04

6.0 Sokongan Kepada Pembelajaran Secara Maya



Pensyarah Akademik

Semua pelajar akan mempunyai **kumpulan Whatsapp** dengan pensyarah dan juga penasihat akademik. Pelajar boleh berkomunikasi dengan pengajar dan penasihat akademik untuk sebarang permasalahan.



Pegawai Psikologi

Sekiranya pelajar ingin berkongsi pengalaman peribadi sepanjang tempoh pengajian, pelajar boleh menghubungi Pegawai Psikologi dan membuat temujanji melalui email btu_kaunseling@upm.edu.my.



Rakan Sebaya/Rakan Kelas

Pelajar boleh mewujudkan **study group** bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan pemahaman dalam pembelajaran.

Jabatan Akademik

Jabatan Akademik masing-masing boleh dicapai melalui **group Whatsapp** yang dibangunkan oleh Jabatan. Pelajar boleh menghubungi pihak jabatan sekiranya ada keperluan berkenaan dengan pengajaran dan pembelajaran.



Unit Akademik Pusat

Pelajar boleh menghubungi pihak UAP melalui email btu_uakd@upm.edu.my atau pautan SMP : <https://smp.upm.edu.my/>



ICT

Bagi pelajar yang berada di Kampus, Bahagian Teknologi Maklumat menyediakan rangkaian **wifi** hampir di ke semua kawasan UPMKB. Pelajar juga boleh akses kemudahan komputer di Bahagian Teknologi Maklumat secara **walk-in** pada waktu pejabat.

Ruang Pembelajaran Kondusif

Makmal D, BTM
Makmal Multimedia, BTM